

Soalan No: 87

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN**  
**[INDERA MAHKOTA]**

**TARIKH : 8.8.2017**

**SOALAN :**

**Dato' Fauzi Bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kesediaan Kementerian mengkaji dan memperlihatkan semula (revisit) "Sistem Pendidikan" negara. Apakah Kementerian bersedia untuk memasukkan unsur-unsur pembinaan akhlak yang baik di awal-awal persekolahan seperti terdapat di negara Jepun dan beberapa negara barat. Juga adakah Kementerian bersedia memperlihatkan semula (revisit) kaedah pembelajaran di awal sekolah rendah di mana murid-murid dibebankan dengan membawa buku-buku yang berlebihan di samping kerja rumah yang sangat membebankan murid.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Unsur-unsur pembinaan akhlak sememangnya telah diberi penekanan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 bagi menghasilkan murid yang mengamalkan nilai dan etika serta identiti nasional. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah membuat transformasi kurikulum di peringkat prasekolah, sekolah rendah dan menengah supaya relevan dengan tuntutan semasa selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Perubahan kurikulum mengambil kira pengetahuan, kemahiran dan nilai yang relevan dengan keperluan

semasa bagi menyediakan murid menghadapi kehidupan semasa dan cabaran abad ke-21.

Pelaksanaan kurikulum baharu ini memastikan setiap murid akan dipupuk dengan etika dan kerohanian dalam diri mereka sebagai persediaan untuk menghadapi cabaran kehidupan masa hadapan. Murid diharapkan boleh menyelesaikan konflik secara harmoni, bijak membuat pertimbangan, berpegang kepada prinsip serta berani melakukan perkara yang betul. Kurikulum baharu turut mengambil kira elemen yang mampu memupuk nilai perpaduan dan keharmonian kaum supaya murid mengenal, menghormati dan menerima kelainan serta perbezaan individu. Setiap murid akan dibentuk menjadi rakyat Malaysia yang cintakan negaranya dan berbangga sebagai rakyat Malaysia tanpa mengira kaum, agama atau status sosioekonomi. Murid akan dipupuk dengan semangat patriotisme serta diajar memahami, menerima dan menghayati kepelbagaian.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, murid-murid tidak dibebankan dengan membawa buku-buku yang berlebihan kerana secara purata bagi pembelajaran pada awal sekolah rendah, bilangan mata pelajaran dalam jadual waktu harian ialah di antara empat (4) mata pelajaran sahaja. Pelaksanaan Pembelajaran Abad ke-21 (PAK21) yang lebih berfokus kepada membangunkan kemahiran potensi murid juga tidak membebankan murid. Melalui teknik pengajaran secara pembelajaran seperti pembelajaran berasaskan projek, pembelajaran berasaskan masalah dan inkuiri dapat mengurangkan masalah beban dengan membawa buku-buku yang berlebihan.

RJM90

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI DR.  
MUHAMMAD LEO MICHAEL  
TOYAD ABDULLAH  
[MUKAH]**

**TARIKH : 8 OGOS 2017 (SELASA)**

**SOALAN : 88**

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sejauh manakah projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) telah membantu masyarakat luar bandar yang berdepan dengan masalah bekalan air bersih khususnya di Sarawak.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sepanjang tempoh RMKe-11, sehingga bulan Jun 2017, berdasarkan maklumat bancian tahun 2010 dan maklumat daripada Jabatan Bekalan Air Luar Bandar (JBALB) Negeri Sarawak, liputan bekalan air bersih terawat di kawasan luar bandar bagi negeri Sarawak adalah sebanyak 81.92%.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, perkara-perkara yang berkaitan perlindungan dan pembangunan, pemuliharaan serta penjagaan sumber air di negeri Sarawak adalah di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Air Negeri (PBAN) seperti mana yang termaktub dalam *Water Ordinance* (Tahun 1994), Negeri Sarawak.

Pihak Kementerian akan sentiasa membantu PBAN dalam memperluaskan liputan air di kawasan luar bandar, khususnya di negeri Sarawak berdasarkan skop dan kriteria pelaksanaan program Bekalan Air Luar Bandar di bawah Kementerian ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN  
[KOTA BHARU]**

**TARIKH : 8 OGOS 2017 (SELASA)**

**SOALAN : 89**

**Dato' Takiyuddin Bin Hassan [Kota Bharu] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk membina lapangan terbang kedua di negeri Kelantan, jika ada bilakah perancangannya.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Kerajaan tidak mempunyai perancangan untuk membina lapangan terbang kedua di negeri Kelantan. Di bawah Rancangan Malaysia KeSebelas (RMKe11), Kerajaan telah meluluskan projek Pembesaran Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP), Kota Bharu bagi menampung pertambahan penumpang sehingga 4 juta penumpang setahun (mppa) yang dijangka mencapai tahap maksimum pada tahun 2027.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF  
[ RANTAU PANJANG ]**

**TARIKH : 8 OGOS 2017 (SELASA)**

**SOALAN : 90**

**Puan Hajah Siti Zailah Binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan bilakan dasar patuh syariah akan dilaksanakan terutama daripada sudut pemakaian pramugari dalam semua sistem penerbangan di negara kita sama ada penerbangan awam atau swasta.**

## JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, syarikat-syarikat penerbangan perlu mematuhi standard keselamatan antara lain termasuk pengongsian kecemasan (*emergency evacuation*) dalam tempoh masa yang ditetapkan sepertimana yang telah ditetapkan oleh Jabatan Penerbangan Awam (DCA) dan *International Civil Aviation Organization* (ICAO).

Dalam hubungan ini, DCA menyatakan salah satu keperluan bagi memperolehi siji keselamatan, syarikat penerbangan perlu memakai pakaian seragam yang membolehkan pramugara dan pramugari menjalankan tugas-tugas keselamatan dalam tempoh yang ditetapkan. Dalam hubungan ini, syarikat-syarikat penerbangan adalah bebas untuk memilih pakaian seragam asalkan mematuhi kriteria seperti berikut :

- (i) pakaian seragam mampu menjalankan tugas semasa pengongsian kecemasan (*emergency evacuation*); dan
- (ii) keputusan komersial syarikat penerbangan tersebut berdasarkan kesesuaian dan imej korporat masing-masing.

Kementerian Pengangkutan tiada sebarang halangan sekiranya pramugari beragama Islam memilih untuk memakai pakaian yang menepati kehendak syariah Islam selagi mana ia mematuhi kriteria-kriteria yang telah ditetapkan.